

Konsep Fatwa *Istihalah* Menurut Empat Mazhab dan Aplikasinya Terhadap Produk Moden

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 1-15
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 May 2025
Accepted: 6 Jun 2025
Published: 7 July 2025

[Concept of Fatwa *Istihalah* according to The Four Mazhab and Its Application to Modern Products]

Ahmad Syakir Mohd Nor Ilman¹, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim^{1*} & Badli Shah Alauddin²

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p151453@siswa.ukm.edu.my; izhar@ukm.edu.my

2 Jabatan Mufti Negeri Pahang, Jalan Seri Terentang, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang, MALAYSIA
E-Mail: bad@pahang.gov.my

*Corresponding Author: fathullah@usm.my

Abstrak

Perkembangan dunia moden kini membawa kepada penghasilan produk-produk moden yang baharu yang sering berkait dengan hukum halal dan haram terhadap umat Islam. Permasalahan ini muncul apabila konsep *istihalah* ini tidak diketahui umum oleh masyarakat Islam berserta konsep fatwa itu dilakukan. Artikel ini bertujuan untuk memberikan kefahaman terhadap konsep *istihalah* tersebut bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul dengan menjelaskan perbezaan konsep fatwa *istihalah* antara empat mazhab utama iaitu Hanafi, Syafi'i, Maliki dan Hanbali serta contoh aplikasi terhadap produk moden. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan cara analisis sumber dokumen-dokumen seperti buku agama, jurnal, artikel dan sumber lain yang relevan berkait dengan tajuk penelitian. Kajian menyimpulkan bahawa walaupun *istihalah* menawarkan penyelesaian syariah untuk produk moden, pelaksanaannya memerlukan kerjasama antara ahli fiqh, saintis, dan badan pengawal selia untuk memastikan pematuhan syariah yang ketat. Penyelidikan ini mencadangkan penyeragaman standard *istihalah* berdasarkan bukti saintifik dan fatwa muktabar bagi mengukuhkan industri halal global.

Key Words: *Istihalah*, Fatwa Empat Mazhab, Produk Moden, Halal dan Haram.

Abstract

The development of the modern world now leads to the production of new modern products that are often related to halal and haram laws by Muslims. This problem arises when the concept of *istihalah* is not generally known by the Muslim community along with the concept of fatwa being issued. This article aims to provide an understanding of the concept of *istihalah* to solve the problems that arise by explaining the differences in the concept of *istihalah* fatwa between the four main schools of thought, namely Hanafi, Syafi'i, Maliki and Hanbali, as well as examples of applications to modern products. The research methodology used is qualitative, namely by analyzing the source of documents such as religious books, journals, articles and other relevant sources related to the research topic. The study concludes that although *istihalah* offers a sharia solution for modern products, its implementation requires cooperation between jurists, scientists and regulatory bodies to ensure strict compliance with sharia. This research suggests standardizing *istihalah* standards based on scientific evidence and authoritative fatwas to strengthen the global halal industry.

Key Words: *Istihalah*, Fatwa of Four Mazhab, Modern Products, Halal and Haram.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Ahmad Syakir Mohd Nor Ilman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Badli Shah Alauddin. (2025). Konsep Fatwa Istihalah Menurut Empat Mazhab dan Aplikasinya Terhadap Produk Moden [Concept of Fatwa Istihalah according to The Four Mazhab and Its Application to Modern Products]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 1-15.

Pengenalan

Pelbagai produk pada masa kini menjadi pilihan umat Islam. Terdapat banyak produk perubatan, makanan dan barang gunaannya serta kosmetik yang telah mengalami perubahan dari segi kandungan dan cara pembuatannya. Keraguan dan kekeliruan mula timbul di kalangan pengguna Islam terhadap status kehalalan produk yang dicampur-aduk bahan-bahannya sehingga ada sesetengahnya yang telah hilang sifat asalnya dan berubah menjadi satu produk lain yang berbeza sama sekali dari segi nama, bentuk, rasa dan ciri-cirinya (Zulfaqar 2021).

Di Malaysia khususnya, pelbagai isu yang berkaitan kepenggunaan telah dilaporkan. Antara isu produk moden kini adalah masalah 75 peratus marshmallow mengandungi gelatin tak halal dibisukan yang menjadi risiko kepada umat Islam dalam menggunakan produk *syubhah* (was-was) tanpa disedari (Zarul 2025). Selain itu, jenama aiskrim dan minuman yang popular seperti Ai-CHA, Mixue, Bingxue, Momoyo dan sebagainya disambut baik oleh masyarakat Malaysia dengan harga yang murah dan juga rasa yang sedap. Akan tetapi adakah ia berstatus halal? (Noor Aslinda 2025).

Halal dan haram merupakan sebuah kaedah hukum yang telah digariskan di dalam al-Quran dan as-Sunnah terhadap sesuatu perkara. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ.

Maksudnya: Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.

Meskipun begitu, perkara yang tidak dinyatakan dengan jelas mengenai halal dan haram adalah *mubah* (dimaafkan Allah SWT). Ini selari dengan sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Yang halal adalah sesuatu yang dihalalkan oleh Allah SWT dalam kitab-Nya, dan yang haram adalah apa yang diharamkan oleh Allah SWT dalam kitab-Nya; sedang apa yang tidak dijelaskan-Nya adalah yang dimaafkan” (Riwayat at-Tirmizi dan Ibnu Majah).

Islam sebagai agama yang sempurna telah menyediakan dasar dan prinsip umum mengenai halal dan haram dalam pemakanan, ubat-ubatan dan juga bahan-bahan kegunaan harian yang lain. Sementara dalam perkara-perkara yang ada kekeliruan hukum, para fuqaha

Islam telah melakukan penelitian dan ijtihad bagi memperjelaskan isu-isu tersebut. Hasil daripada penggalian dan istinbat hukum yang dilakukan, terdapat kaedah-kaedah yang telah dikenal pasti oleh para fuqaha dalam mengukur status halal atau haram sesuatu produk berkenaan (Zulfaqar 2021).

Dalam perspektif Islam, terdapat beberapa alternatif dapat diaplikasikan dalam membantu menyelesaikan polemik tersebut. Alternatif ini sama ada mengguna pakai instrumen masalah, *darurah* atau metode *purifikasi* alternatif seperti *istihalah* dan *'istihlak* (Aizat et. al 2009). Walaupun begitu, kertas kerja ini hanya membincangkan kepada konsep *istihalah* sebagai kaedah dalam menganalisis beberapa produk makanan yang mengandungi elemen najis serta mengaplikasikan terhadap produk moden.

Definisi *Istihalah* Beserta Dalil

Istihalah merupakan perkataan daripada bahasa Arab yang secara etimologinya berasal dari akar kata “*hawwala*” yang bererti berubah (Ibn Manzur 1990). Dalam penggunaan fiqh istilah “*istihalah*” merujuk kepada perubahan sesuatu Najis kepada suatu bahan yang suci (al-Fayyumi t.t.). Dalam al-Wasit, *tahawwala* bermaksud berubah daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lain. Dalam al-Misbah al-Munir pula, *istihal al-syai'* bermaksud berubah dari kelakuannya dan sifatnya.

Dr. Wahbah al-Zuhaili (2011) mentakrifkannya sebagai perubahan sesuatu benda yang bernajis secara sendirinya atau dengan melalui perantaraan seperti darah rusa menjadi kasturi, arak menjadi cuka dengan sendirinya atau melalui perantaraan proses tertentu, bangkai berubah menjadi garam atau anjing yang terjatuh ke dalam garam (lalu menjadi hancur), tahi yang berubah menjadi abu melalui pembakaran, minyak yang *mutanajjis* dijadikan sabun dan lain-lain. Sementara menurut Ibnu 'Abidin (1966) mendefinisikan *istihalah* dari segi istilah tidak begitu berbeza dengan maksud dari segi bahasa iaitu perubahan sesuatu zat (*istihalah al-a'yan*) merujuk kepada perubahan bahan asal sama ada hilang sebahagian atau keseluruhan zat atau sifatnya.

Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah (2013) pula mendefinisikan *istihalah* ialah perubahan daripada suatu bahan kepada bahan yang lain dengan berubah zat dan sifatnya. Ia memberi kesan kepada perubahan hukum dengan sebab perubahan itu, seperti anggur yang bertukar menjadi arak maka hukumnya haram, tetapi apabila arak bertukar menjadi cuka maka hukumnya halal.

Konsep *istihalah* ini berdasarkan sumber Al-Quran, firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, 16:66:

وَأَنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً تَسْقِيكُمْ مِمَّا فِي بُطُونِهِمْ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمٍ لَبَنًا خَالِصًا سَائِغًا لِلشَّارِبِينَ.

Maksudnya: Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu

daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya.

Konsep *istihalah* dapat dilihat dalam ayat tersebut bahawa susu yang dihasilkan oleh binatang ternakan adalah halal walaupun ia berada di antara najis dan darah haiwan berkenaan. Susu itu terhasil daripada makanan yang dimakan oleh haiwan tersebut yang kemudiannya dicernakan di dalam perut di mana sebahagiannya menjadi darah, daging dan susu, manakala selebihnya menjadi najis yang dikeluarkan apabila tiba masanya (Azizi t.t). Ibnu Kathir (1419H) dalam tafsirannya berkata iaitu darah dibebaskan dari keputihan, rasa, dan kemanisannya di antara najis dan darah dalam perut haiwan, dan masing-masing mengalir ke tempatnya. Apabila makanan itu masak dalam perutnya, darah mengalir darinya ke urat, susu ke ambing (sebuah organ yang terdapat pada sebahagian haiwan mamalia yang merupakan *homolog* payudara), air kencing ke pundi kencing, dan najis ke dubur. Setiap daripada mereka tidak bercampur dengan yang lain atau bercampur dengannya selepas ia terpisah daripadanya dan ia tidak berubah.

Proses *istihalah* boleh dibahagikan kepada tiga bentuk. Pertama adalah perubahan fizikal dan kandungan seperti darah kijang yang bertukar menjadi kasturi. Kedua pula adalah perubahan fizikal sahaja (daripada aspek luaran) seperti kulit binatang selain anjing dan babi yang berubah menjadi suci setelah melalui proses samak. Dan yang ketiga adalah perubahan kandungan sahaja seperti arak yang bertukar menjadi cuka. Secara fizikalnya, arak dan cuka tetap dalam bentuk cecair. Namun yang berbezanya adalah dari segi kandungan (Zulkifli 2023).

Konsep Fatwa *Istihalah* Menurut Empat Mazhab

Dalam isu konsep *Istihalah* ini, para ulama secara dasarnya telah bersepakat untuk menerimanya sebagai satu proses atau alat penyucian bahan bernajis. Namun dari sudut pemakaian proses ini, sebahagian ulama ada yang memperluaskan penggunaannya, manakala sebahagian yang lain mengehadkan pemakaiannya kepada kes-kes dan syarat tertentu sahaja. Perbezaan pandangan ini boleh diringkaskan seperti berikut:

Mazhab Hanafi

Mazhab Hanafi telah menerima konsep *istihalah* secara umum dan luas. Ibn ‘Abidin (1966) menyebutkan dalam kitabnya “*Radd al-Mukhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar*” menyebutkan, sesungguhnya syarak telah meletakkan sifat kenajisan terhadap sesuatu benda. Hakikat sesuatu benda akan luput jika hilang sebahagian ciri-ciri asasnya. Apatah lagi jika hilang sama sekali ciri-ciri asasnya. Sebagai perbandingan, air mani adalah najis dan ia tetap najis apabila bertukar menjadi segumpal darah. Kemudian apabila ia bertukar menjadi seketul daging maka ia menjadi suci. Begitu juga dengan jus anggur adalah suci. Apabila ia bertukar menjadi arak maka ia

dihukumkan najis. Apabila bertukar pula menjadi cuka maka ia bertukar menjadi suci. Maka jelaslah di sini bahawa proses *istihalah* memberi kesan hukum terhadap perubahan yang berlaku kepada sesuatu bahan.

Imam al-Zayla'iy (1984) dalam kitabnya "*Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Shalabi*" pula menyatakan bahawa setiap bahan yang tidak hancur dengan sebab perahan atau ain najis, akan menjadi bersih dengan *istihalah* seperti bangkai yang jatuh ke dalam lautan garam yang terlarut sehingga menjadi garam dan tahi apabila menjadi debu tanah atau dibakar dengan api sehingga menjadi abu. Maka hukumnya sama dengan arak apabila berubah menjadi cuka atau kulit binatang yang telah disamak dihukum bersih dengan sebab *istihalah*. Dan disebut dalam fatwa bahawa kepala kambing sekiranya dibakar sehingga hilang darahnya, maka dihukum bersih, begitu juga lembapan najis di dapur boleh menjadi bersih dengan sebab pembakaran.

Al-Kasani (1986) dalam kitabnya "*Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Sharai*" pula menjelaskan bahawa najis yang berubah menjadi bahan lain secara keseluruhan (*istihalah*) menjadi suci, seperti wain menjadi cuka. Oleh itu, jelas mazhab Hanafi mengambil konsep jika sesuatu bahan najis berubah secara menyeluruh menjadi bahan baru yang berbeza sifat dan zatnya, ia dianggap suci. Mereka berhujah dengan mengambil qiyas terhadap arak yang berubah menjadi cuka melalui proses semula jadi, yang mana ia dianggap suci dan halal.

Mazhab Maliki

Mazhab Maliki berpandangan berkaitan dengan *istihalah* adalah hampir menyerupai dengan mazhab Hanafi di mana kedudukan hukum ditentukan pada *illah*nya. Akan tetapi tidak seumum mazhab Hanafi. Al-Dusuqi (1980) ada menyatakan dalam kitab "*Hashiyat al-Dasuqi ala al-Syarh al-Kabir*" bahawa kesucian susu anak Adam lelaki atau perempuan sekalipun daripada orang kafir adalah kerana berlaku perubahan (*istihalah*) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (*istihalah*) kepada yang kotor.

Menurut al-Qarafi (1994) dalam kitabnya "*Adhakirah lil Qarafi*" menjelaskan tentang abu orang mati dan bahan membatu dalam bekas wain adalah najis kerana ia adalah sebahagian daripada najis, dan ia dikatakan suci kerana berlaku perubahan (*istihalah*). Beliau juga menghuraikan bahawa air yang tercemar dengan najis tetapi berubah menjadi bahan lain, boleh dianggap suci jika zat asalnya tidak lagi kekal. Oleh itu, dapat difahami bahawa mazhab Maliki menganggap *istihalah* boleh menjadi suci dengan syarat perubahan tersebut mesti secara keseluruhan dan tidak sekadar percampuran atau perubahan sebahagian sifat sahaja.

Mazhab Syafi'i

Mazhab Syafi'i antara yang menyempitkan skop *istihalah* kepada beberapa aspek tertentu sahaja. Imam al-Shirazi (476 H) dalam "*al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*" berkata yang bermaksud: "Tidaklah bersih sesuatu najis dengan sebab *istihalah* melainkan dua perkara: Salah

satunya kulit binatang yang disamak dan yang kedua arak apabila bertukar menjadi cuka dengan sendiri maka ia dianggap bersih dengan sebab itu”.

Imam al-Nawawi (676 H) pula dalam kitabnya “*Al-Majmu’ Syarh al-Muhadzdzab*” menjelaskan bahawa segala najis adalah najis meskipun berubah zatnya, melainkan kulit yang disamak. Al-Sharbini (1994) dalam kitabnya “*Mughni al-Muhtaj*” menegaskan bahawa *istihalah* bukan sebab kesucian, kecuali ada dalil syarak yang menyatakan demikian. Ia juga berkata jika ia suci, maka ia suci, dan jika ia najis, maka ia najis. Oleh itu, jelas dapat lihat bahawa mazhab Syafi’i lebih berhati-hati dan cenderung menolak *istihalah* secara mutlak kecuali dalam tiga keadaan. Pertama, arak yang bertukar menjadi cuka dengan sendirinya. Kedua, kulit Binatang yang mati selain daripada anjing dan babi menjadi suci apabila disamak. Ketiga adalah sesuatu yang berubah menjadi haiwan seperti bangkai berubah menjadi ulat kerana berlaku suatu kehidupan yang baru (*al-Mausu’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* 2006). Mazhab ini tegas berpandangan bahawa sesuatu yang haram atau najis tetap kekal hukumnya meskipun telah berubah zatnya seperti gelatin daripada sumber haram seperti babi tetap dianggap haram walaupun telah berubah sifatnya.

Mazhab Hanbali

Mazhab Hanbali mempunyai pandangan yang hampir sama dengan mazhab Syafi’i iaitu tidak menerima *istihalah* kecuali dalam kes tertentu. Ibn Qudamah al-Maqdisi (620 H) berpendapat bahawa tiada suatu najis yang dapat disucikan dengan *istihalah* kecuali arak yang berubah dengan sendirinya menjadi cuka. Jika dilakukan proses *asetifikasi* maka khamar itu tidak menjadi suci.

Ibn Qudamah (1997) juga dalam kitab “*al-Mughni*” berkata mazhab Hanbali secara zahirnya berpegang bahawa tidak bersih sesuatu yang najis dengan *istihalah* melainkan arak apabila bertukar dengan sendirinya menjadi cuka. Selainnya tidak dianggap bersih, seumpama najis yang dibakar menjadi abu, babi yang jatuh ke dalam garam lalu menjadi garam, asap dan wap yang terhasil daripada najis. Maka terkeluarlah kesemua bahan yang *teristihalah* itu jika diqiaskan kepada arak yang bertukar cuka, kulit haiwan yang disamak dan haiwan *Jallalah* yang telah di kuarantin.

Secara jelas dapat memahami konsep yang diguna pakai oleh mazhab Hanbali terhadap *istihalah* adalah perubahan secara keseluruhan zat najis tidak akan menjadikannya suci kecuali wujudnya dalil syarak yang menyokongnya. Namun, jika perubahan tersebut terjadi dengan secara tidak sengaja, sebahagian mazhab Hanbali menerima hukum itu adalah suci.

Aplikasi Terhadap Produk Moden:

Ikan Keli dan Ikan Patin yang Diberi Makan Daging Khinzir

Haiwan yang halal dimakan tetapi ia memakan najis dinamakan sebagai haiwan *Jallalah*. Perkataan '*Jallalah*' pada asalnya merujuk kepada unta yang memakan tinja haiwan sehingga nyata bau busuk keluar daripada haiwan tersebut. Menurut pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i, hukum haiwan *jallalah* adalah *makruh tanzih*. Namun, hukumnya juga terpakai kepada haiwan-haiwan lain yang halal dimakan seperti lembu, kambing dan ayam.

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai cara untuk mengenali haiwan *Jallalah* tersebut. Sebahagian mereka berpendapat, jika majoriti makanan haiwan berkenaan ialah najis maka ia dijadikan sebagai haiwan *Jallalah*. Manakal sebahagian lain, termasuklah ulama mazhab Syafi'i, tidak mensyaratkan banyak atau sedikit. Apabila zahirnya bau dan bau tengik atau bau busuk najis tersebut seperti bau tinja yang dimakan itu daripada haiwan tersebut, atau berubah dagingnya pada warna, bau dan rasa, makan ia dikategorikan sebagai haiwan *Jallalah*. Para fuqaha berselisih pendapat pada hukum memakannya juga. Sebahagian mereka menyatakan halal memakannya, sebahagiannya juga mengatakan haram memakannya. Pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i ialah *makruh tanzih*. Ini berdasarkan hadis Ibn Umar:

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن أكل الجلالة وألبانها

Maksudnya: Rasulullah SAW melarang daripada memakan haiwan *Jallalah* dan susu-susu daripada haiwan berkenaan.

Dan daripada Ibn Abbas:

أن النبي صلى الله عليه وسلم نهى عن لبن الجلالة

Maksudnya: Bahawasanya Nabi SAW melarang daripada meminum susu daripada Binatang *Jallalah*.

Hadis tersebut menunjukkan larangan terhadap memakan haiwan *Jallalah*. Meskipun begitu, larangannya adalah bersifat *makruh tanzih* kerana kuantiti najis itu tidak cukup banyak untuk mengubah daging itu, justeru ia tidak menjadi haram. Larangan ini juga termasuk dalam hukum bagi telur seperti telur ayam atau burung. Para ulama' telah berpendapat terhadap cara untuk menghilangkan hukum makruhnya iaitu, pertama adalah dengan mengkuarantinkan haiwan *Jallalah* sehingga bau busuk itu hilang. Kedua adalah dengan memberi makan makanan yang halal sehingga hilang baunya dan terakhir adalah mengkuarantinkan selama tiga hari atau lebih sehingga hilang baunya.

Oleh itu, melihat dengan penjelasan di atas, ikan keli atau patin yang diberi makan daging babi jika zahir bau dan berbau tengik daging babi itu maka ia dikategorikan sebagai haiwan *Jallalah*. Sebagai langkah berhati-hati dan keluar daripada khilaf, wajib untuk mengkuarantinkan ikan tersebut selama 3 hari sehingga hilang bau najis itu sebelum dimakan atau dijual.

Gelatin

Gelatin digunakan untuk mengatasi masalah yang timbul dalam industri makanan khususnya dalam mempelbagaikan produk. Gelatin boleh digunakan sama ada sebagai bahan ramuan atau *kondisioner* makanan dalam industri pemprosesan makanan. Di antara fungsi gelatin adalah agen penstabilan dalam produk hasilan daging seperti sosej, agen pemekat dalam makanan bersos, agen pembuih dalam produk susu terproses, agen pengikat dalam produk daging, agen pelekat dan gula-gula dan produk sejenisnya, dan banyak lagi. Ringkasnya, kebanyakan produk minuman dan makanan yang dihasilkan akan mengandungi gelatin seperti gula-gula, ais krim, produk daging, produk susu, minuman, sari buah, sarung kapsul dan seumpamanya (Kementerian Kesihatan Malaysia 2017).

Para ulama' telah berbeza pandangan terhadap kehalalan gelatin. Pendapat pertama, gelatin menjadi halal sekiranya ia diambil daripada haiwan yang diharuskan (untuk dimakan) dan disembelih mengikut kehendak syariat. Ini adalah sebagaimana yang disebutkan oleh al-Tuwaijiri (2009) bahawa "tidak mengapa mengekstrak gelatin dari kulit, sendi, dan tulang haiwan yang diharuskan (untuk dimakan) dan disembelih mengikut kehendak syariat, atau dari tumbuhan yang tidak berbahaya dan tidak beracun". Maka, gelatin jenis ini adalah diharuskan dan boleh menggunakannya dan memakannya dalam makanan dan ubat-ubatan. Pendapat kedua pula berpendapat gelatin diharuskan penggunaannya tanpa mengambil kira sama ada haiwan itu disembelih ataupun tidak, mahupun bersumberkan babi. Hal ini kerana gelatin yang diambil daripada kulit, tulang babi, lembu yang tidak disembelih dan lain-lain telah melalui satu proses *istihalah*, sehinggakan hakikat asal dan sifat kulit, tulang babi atau bangkai tidak wujud lagi padanya. Justeru, tidak wujud lagi apa yang dihukumkan sebagai najis dan haram, yang menyebabkan ia juga dihukumkan sebagai haram. Selain itu, benda yang berubah itu juga telah menjadi benda lain yang berbeza dengan yang pertama, baik dari segi bentuk, rasa, bau, susunan kimia dan kriteria-kriteria fiziknya. Oleh kerana itu, hukumnya berubah daripada haram kepada hukum halal, yang merupakan hukum asal kepada segala sesuatu.

Oleh yang demikian, jika sekiranya gelatin itu diambil atau diekstrak daripada lembu (*bovine*) atau haiwan yang halal dagingnya yang disembelih menurut kehendak syarak, maka hukumnya adalah halal dan diharuskan. Namun, sekiranya tidak (yakni gelatin itu diekstrak daripada lembu (*bovine*) yang tidak disembelih menurut syarak atau daripada haiwan yang diharamkan syarak), maka hukum penggunaannya adalah tidak dibolehkan dan haram memakannya. Tambahan lagi, inilah pendapat yang dilihat lebih selamat dan berhati-hati kerana

keluar daripada perkara yang diperselisih (khilaf) adalah lebih baik berbanding jatuh di dalamnya (Zulkifli al-Bakri 2024).

Bone China

Bone China diterjemahkan menurut Kamus Dewan sebagai tembikar cina. Komposisinya memiliki 50% debu tulang, 25% kaolin dan 25% batu Cornish. Tulang yang digunakan ialah tulang haiwan yang dipanaskan pada suhu yang tinggi. Berkenaan dengan hukum, sepakat dalam kalangan ulama penggunaan tulang daripada jenis binatang halal yang disembelih dengan betul. Namun mereka khilaf dalam penggunaan tulang binatang halal yang tidak disembelih dengan betul, ataupun bangkai. Justeru, jika diyakini syarikat berkenaan menggunakan sumber tulang yang suci, maka ia bukan najis. Jika sebaliknya, maka ia adalah najis dan tidak sesuai digunakan sebagai bekas makanan (Shahrul 2016).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-99 yang bersidang pada 4-6 Mei 2012 telah membincangkan mengenai Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (*Bone China*). Jawatankuasa Fatwa tersebut telah membuat penelitian berkaitan hujah-hujan dan pandangan yang dilontarkan berkaitan *bone china* tersebut dan memutuskan bahawa sifat kenajisan babi masih kekal dalam produk *bone china* dan sifat najis tersebut tidak akan hilang kerana proses *istihalah* dianggap tidak berlaku berdasarkan mazhab Syafi'i. Muzakarah juga berpandangan bahawa sekiranya penggunaan produk *bone china* yang berasaskan abu tulang haiwan yang tidak halal mengikut Syarak ini diharuskan, maka ia akan membuka ruang kepada penggunaan produk-produk bersumberkan haiwan yang tidak halal mengikut syarak berleluasa (JAKIM 2012).


Seterusnya, mereka berpandangan bahawa peralatan atau perhiasan *bone china* tidak mencapai tahap keperluan (*darurah*) kepada masyarakat untuk memiliki dan menggunakannya. Oleh itu, mereka bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan peralatan atau perhiasan yang dihasilkan daripada abu tulang haiwan (*bone china*) yang tidak halal mengikut syarak, termasuk haiwan yang halal dimakan tetapi tidak disembelih mengikut hukum syarak adalah tidak diharuskan. Walaubagaimanapun, penggunaan peralatan dan perhiasan berasaskan abu tulang haiwan (*bone china*) yang halal dimakan dan disembelih mengikut hukum syarak adalah diharuskan (JAKIM 2012).

NEWater

NEWater ialah nama jenama yang diberikan kepada air kumbahan yang dirawat yang dihasilkan oleh Lembaga Kemudahan Awam Singapura. NEWater merupakan air yang telah diproses semula daripada air buangan (air kumbahan) menggunakan teknologi rawatan canggih supaya ia menjadi air yang sangat bersih dan selamat untuk digunakan semula, termasuk sebagai air minuman. Proses NEWater adalah mengitar semula air terpakai yang telah dirawat menjadi air

tebus guna yang sangat bersih dan bermutu tinggi bagi melindungi bekalan air terhadap cuaca kering justeru dapat menggerakkan Singapura ke arah kelestarian air (PUB 2024).

Rajah 1 menunjukkan proses yang dilakukan bagi mendapatkan ketulenan NEWater tersebut. Pada peringkat awal, air buangan yang telah dirawat dialirkan melalui membran halus untuk menapis zarah-zarah mikroskopik dan bakteria, dan proses ini dinamakan sebagai Penapisan Mikro / Ultrafiltrasi (*Microfiltration / Ultrafiltration*). Seterusnya, peringkat kedua iaitu Osmosis Songsang (*Reverse Osmosis*), air akan melalui membran separa telap dengan liang-liang yang sangat kecil. Proses ini membenarkan molekul air melepasi sambil menyingkirkan bahan pencemar seperti virus, bakteria, logam berat, hidrokarbon aromatik, racun perosak, dan lain-lain. Selepas peringkat osmosis songsang, air sudah mencapai kualiti tinggi. Peringkat ketiga ini melibatkan penyinaran ultraviolet (UV) yang menyahaktifkan sebarang bakteria dan virus yang tinggal. Proses ini bertindak sebagai langkah keselamatan tambahan untuk menjamin ketulenan NEWater dan dinamakan sebagai proses Penyahjangkitan Ultraviolet (*Ultraviolet Disinfection*) (PUB 2024).



Rajah 1: Berikut merupakan carta alir proses penghasilan NEWater.

Sumber: *Singapore's National Water Agency* (2024).

Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor Kali Ke-6 yang diadakan pada 28 Disember 2002 telah memutuskan bahawa Air Baru (NEWater) merupakan air yang telah diproses melalui penyulingan dan penurasan oleh itu ia adalah suci lagi menyucikan.

Perkara ini juga seiring dan selari dengan permasalahan di Malaysia iaitu inisiatif pihak Indah Water Konsortium (IWK) dalam penggunaan semula air terawat dari Loji Rawatan Kumbahan (LRK). Berdasarkan kaedah penyucian air yang dilaksanakan oleh pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. bagi menghasilkan bioefluen terawat dan biopepejal dari Loji

Rawatan Kumbahan (LRK), Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan berpendapat sistem infrastruktur yang mengalirkan kumbahan itu berupaya menjadikan air kumbahan tersebut suci lagi menyucikan (air mutlak) kerana berlakunya proses perubahan untuk menghilangkan najis dan mengekalkan semula sifat asal air yang suci lagi menyucikan. Justeru, air tersebut boleh digunakan untuk siraman bahkan ia boleh digunakan untuk minuman kerana air tersebut telah kembali kepada sifat air yang asal (JAKIM 2017).

Barangan daripada Kulit Haiwan

Kulit haiwan yang telah disamak adalah suci, sama ada haiwan tersebut adalah haiwan yang boleh dimakan tetapi mati tanpa disembelih, ataupun haiwan tersebut adalah haiwan yang tidak boleh dimakan, kecuali anjing dan babi. Ini berdasarkan kepada sabda Nabi SAW:

أَيُّمَا إِهَابٍ دُبِغَ فَقَدْ طُهِرَ

Maksudnya: Apa jua kulit apabila disamak maka ia menjadi suci". (Riwayat Tirmizi, Nasai dan Ibn Majah).

Dalam hadis yang lain, Nabi Muhammad SAW berjalan melalui satu bangkai kambing lalu baginda telah bersabda, "Kenapa kamu tidak mengambil kulitnya, menyamaknya dan memanfaatkannya?". Mereka menjawab, "Ia adalah bangkai". Lalu baginda bersabda, "Yang haram adalah memakannya." (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan kepada dua hadis di atas, menurut pandangan mazhab Syafi'i bahawa kulit haiwan yang boleh dimakan tetapi mati tanpa disembelih mengikut syarak dan kulit haiwan yang tidak boleh dimakan (kecuali anjing dan babi) adalah suci sekiranya disamak. Oleh itu harus memakai dan menggunakan barangan seperti beg, kasut, tali pinggang dan lain-lain yang diperbuat daripada kulit yang telah disamak yang diambil daripada bangkai atau haiwan yang tidak disembelih mengikut syarak (JAKIM 2013).

Hasil Dapatan Kajian

Kajian ini dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan pandangan dan konsep yang dibawa oleh setiap mazhab empat yang utama iaitu Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Perbezaan tersebut menjelaskan kepentingan sejauh mana konsep *istihalah* itu diaplikasikan terhadap produk-produk moden kini selari dengan arus pengembangan teknologi pada zaman sekarang. Sebagai contoh, penggunaan darah dalam produk kecantikan, pembuatan makanan daripada gelatin haiwan dan sebagainya. Jelas menunjukkan bahawa perlu cara dan konsep *istihalah* itu sendiri demi menjamin kehalalan sesuatu produk dan mengelakkan dari perkara *syubhah* (was-was). Berikut ringkasan perbezaan konsep mengikut mazhab:

Jadual 1: Ringkasan perbezaan Konsep Fatwa *Istihalah*.

MAZHAB	KONSEP FATWA <i>ISTIHALAH</i>
Mazhab Hanafi	- menerima secara umum dan luas - jika sesuatu bahan najis berubah secara menyeluruh menjadi bahan baru yang berbeza sifat dan zatnya, ia dianggap suci.
Mazhab Maliki	- menerima dengan syarat - menjadi suci dengan syarat perubahan tersebut mesti secara keseluruhan dan tidak sekadar percampuran atau perubahan sebahagian sifat sahaja.
Mazhab Syafi'i	- tidak menerima secara umum, terhad kepada perkara tertentu sahaja. - sesuatu yang haram atau najis tetap kekal hukumnya meskipun telah berubah zatnya kecuali: i. arak yang bertukar menjadi cuka dengan sendirinya. ii. kulit binatang yang mati selain daripada anjing dan babi setelah disamak. iii. keadaan sesuatu yang berubah menjadi haiwan seperti bangkai berubah menjadi ulat.
Mazhab Hanbali	- tidak menerima secara umum kecuali kes tertentu. - perubahan secara keseluruhan zat najis tidak akan menjadikannya suci kecuali wujudnya dalil syara' yang menyokongnya. - jika perubahan tersebut terjadi dengan secara tidak sengaja, sebahagian mazhab Hanbali menerima hukum itu adalah suci.

Jadual 1 menunjukkan bahawa konsep fatwa yang dibawa oleh mazhab masing-masing diguna pakai dalam menentukan hukum terhadap sesuatu produk (khusus kepada produk-produk moden). Menurut kajian Mohd Izhar Ariff Mohd Kassim et. al (2018) juga menjelaskan bahawa dalam penentuan status hukum produk ini berbeza keadaan di setiap negara. Sebagai contoh, untuk konsumen luar negeri di tingkat global lebih mudah mengambil pendekatan mazhab Hanafi dan Maliki yang lebih longgar dalam menentukan hukum istilah ini, berbeza dengan pendekatan mazhab Syafi'i dan Hanbali yang lebih sesuai untuk dipraktikkan di Malaysia kerana institusi fatwa di sana menerapkan prinsip dan praktik mazhab Syafi'i, khususnya dalam isu-isu makanan masa kini. Meskipun demikian, kedua pandangan sepakat melarang semua produk baru yang membahayakan dan merugikan manusia baik secara langsung mahupun tidak.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia menerusi KOD: TAP-K016288.

Kesimpulan

Istihalah sebagai mekanisme penyucian bahan najis atau haram menjadi halal melalui transformasi zat secara menyeluruh telah diakui oleh majoriti ulama berdasarkan kaedah fiqh "perubahan zat membawa perubahan hukum", dengan syarat proses tersebut melibatkan perubahan kimia/fizikal radikal sehingga menghilangkan sifat asal bahan tersebut dan mendapat pengesahan pakar sains serta badan halal berwibawa seperti JAKIM. Dalam konteks moden, *istihalah* berpotensi diaplikasikan dalam berbagai industri termasuk dalam bidang makanan, farmasi, dan kosmetik, meskipun terdapat perbezaan pendapat ulama dalam beberapa kes tertentu yang memerlukan penelitian lebih mendalam. Ia menunjukkan fleksibiliti syariat Islam dalam menyikapi perkembangan sains, teknologi, dan keinginan umat Islam dalam kehidupan sehari-hari. Justeru, kerjasama erat antara saintis, ulama, dan industri amat diperlukan untuk memastikan aplikasi *istihalah* memenuhi piawaian syariah dan saintifik, di samping keperluan persijilan halal yang ketat bagi menjamin ketelusan dan keyakinan pengguna, sekaligus membolehkan pemanfaatan teknologi moden secara selari dengan prinsip Islam yang autentik.

Rujukan

- Aizat, M. J., Jasimah, C. W. 2009. Teori *Istihalah* Menurut Perspektif Islam Dan Sains: Aplikasi Terhadap Beberapa Penghasilan Produk Makanan. *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1 (2009): 169-194.
- Azizi, A. t.t. *Istihalah* dan Unsur Babi: Terma Teknikal dan Kaedah Fiqh. Pertubuhan Ikatan Pengamal Perubatan & Kesihatan Muslim Malaysia. <https://imedik.org/istihalah-dan-unsur-babi-terma-teknikal-dan-kaedah-fiqh-prof-azizi-ayob/>. [diakses pada 12 Mei 2025].
- Al-Dusuqi, Muhammad ibn Ahmad ibn Arafah. 1980, *Hashiyat al-Dasuqi a'la al-Syarh al-Kabir*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah. 1/52.
- Al-Fayyumi, Abu al-Abbas Ahmad bin Muhammad. t.t. *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin Ibn Umar. 1966. *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr alMukhtar: Syarh Tanwir al-Absar*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi. Jilid. 1/217.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukrim. 1990. *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dar Sadir. Halaman 185.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Muhammad. 1997. al-Mughni. Arab Saudi: Dar 'Alim al-Kutub lil Tabaah wa al-Nasyr wa al-Tauzi'. Cetakan 3.

- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar. 1419H. Tafsir al-Quran al-Azim (Ibnu Kathir). Surah An-Nahl, ayat 66. <https://tafsir.app/16/66>. [diakses pada 13 Mei 2025].
- Jabatan Kemajuan Malaysia, JAKIM. 2012. Hukum Penggunaan Peralatan Dan Perhiasan Berasaskan Abu Tulang Haiwan (Bone China). E-Sumber Maklumat Fatwa, Sosial/Syariah. 4-6 Mei 2012: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10297>. [diakses pada 24 Mei 2025].
- Jabatan Kemajuan Malaysia, JAKIM. 2017. Penggunaan Semula Bioefluen Terawat Dan Biopepejal Dari Loji Rawatan Kumbahan (LRK) IWK. E-Sumber Maklumat Fatwa, Ibadah. 27 Februari 2017: <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15524>. [diakses pada 24 Mei 2025].
- Al-Kasani, Ila'uddin. 1986. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Sharai'*. Dar al-Kutub al-Ilmiah. Cetakan 2. 1/63.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2017. Gelatin dalam makanan. 23 April 2017: https://www.facebook.com/myhealthkkm/photos/a.170726459645560/1544723245579201/?type=3&locale=ms_MY. [diakses pada 24 Mei 2024].
- Majlis Penyelidikan dan Fatwa Eropah. 2013. Sarajevo, Bosnia: Keputusan Mesyuarat Kali ke-23. 25-28 Jun 2013.
- Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Mat Noor Mat Zain, Md Yazid Ahmad, Ezad Azraai Jamsari & Diani Mardiana Mat Zin. 2018. Haram sources in food processing according to shariah perspective. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 9(4), 1437–1443. <http://iaeme.com/Home/issue/IJCIET?Volume=9&Issue=4>
- Naimah, M. N. 2024. Hukum Penggunaan Air Dari Sisa Kumbahan Terawat. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Irsyad Hukum Siri Ke-842. 6 Mei 2024: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5905-irsyad-hukum-siri-ke-842-hukum-penggunaan-air-dari-sisa-kumbahan-terawat>. [diakses pada 24 Mei 2025].
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Shariff. 676 H. *Al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*. Dar al-Fikr. 2/581.
- Noor Aslinda, A. S. 2025. Ais krim murah di Malaysia: Sedap, tapi halal ke?. 11 Mac 2025: <https://malaysiagazette.com/2025/03/11/ais-krim-murah-di-malaysia-sedap-tapi-halal-ke/>. [diakses pada 13 Mei 2025].
- PUB, Singapore's National Water Agency. 2024. NEWater. Ministry of Sustainability and the Environment (MSE), Government of Singapore. 2 Oktober 2024: <https://www.pub.gov.sg/Public/WaterLoop/OurWaterStory/NEWater>. [diakses pada 24 Mei 2025].
- Al-Qarafi, Syihabuddin Ahmad bin Idris. 1994. *Adhakirah lil Qarafi*. Beirut: Dar al-Gharbi al-Islami. Cetakan 1. 1/187.

- Shahrul, Y. 2016. Hukum Penggunaan Pinggan Mangkuk Buatan Bone China. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Al-Kafi Li Al-Fatawi, soalan 388. 19 September 2016: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1372-al-kafi-li-al-fatawi-soalan-388-hukum-penggunaan-pinggan-mangkuk-buatan-bone-china>. [diakses pada 24 Mei 2025].
- Al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. 1994. *Mughni al-Muhtaj ila Makrifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Damsyiq: Dar al-Kutub al-Ilmiah. Cetakan 1. 1/235.
- Al-Shirazy, Ibrahim bin Ali bin Yusof. 2010. *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Tamyes, M. A. W. 2002. Penggunaan Air Baru (NEWater). Jabatan Mufti Negeri Selangor, Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara, (FATWA). 28 Disember 2002: <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/25/penggunaan-air-baru-newater/>. [diakses pada 25 Mei 2025].
- Al-Tuwaijri, Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah. 2009. *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami*. Baitul Afkar al-Dauliyah. Cetakan 1. 4/239.
- Wizarah Awqaf wa al-Syuun al-Islamiah. 2006. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dar al-Salasil. 29/107-108.
- Zarul Hafiz. 2025. Masalah 75 Peratus marshmallow mengandungi gelatin tak halal 'dibisukan'. 25 Februari 2025: <https://malaysiagazette.com/2025/02/25/masalah-75-peratus-marshmallow-mengandungi-gelatin-tak-halal-dibisukan/>. [diakses pada 13 Mei 2025].
- Al-Zayla'iy, Fakh al-Din. 1984. *Tabyin al-Haqaiq Sharh Kanz al-Daqaiq wa Hasyiah al-Shalabi*. Kaherah: Al-Matbaah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Zulfaqar, M. 2021. *Istihalah* dalam Fatwa di Malaysia. *Journal of Fiqhiyyat*. Vol.1, No.1, (2021), eISSN: 2805-4679. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol15no1.194>
- al-Zulkifli Bakri. 2023. Cuka Arak (Wine Vinegar). Maktabah Al-Bakri. 3 Ogos 2023: <https://maktabahalbakri.com/2476-cuka-arak-wine-vinegar/>. [diakses pada 13 Mei 2025].
- al-Zuhaili, Wahbah. 2011. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr. 1/250.
- Zulkifli al-Bakri. 2024. Suplemen Mengandungi Gelatin Bovine. Maktabah Al-Bakri. 1 Ogos 2024: <https://bukudrzulkifli.com/6581-suplemen-mengandungi-gelatin-bovine/>. [diakses pada 24 Mei 2025].